



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/2/2011

Proton tidak rancang serah kepentingan kepada syarikat asing

Tiada potensi kerjasama

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD
bisnes@utusan.com.my

SHAH ALAM 11 Feb. - Proton Holdings Bhd. (Proton) tidak melihat potensi kerjasama strategik dapat dijalinan dengan syarikat automotif antarabangsa yang besar buat masa ini.

Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat lain mungkin sukar kerana ia lebih cenderung untuk memiliki atau menguasai kepentingan ke atas pembuatan kereta nasional itu.

Katanya, Proton buat masa ini tidak merancang untuk menyerahkan sebarang kepentingannya kepada syarikat asing dan ia tidak akan berlaku pada masa depan.

"Sebagai contoh syarikat automotif dari Korea dan Jepun sering melihat kepada syarikat-syarikat kecil di dalam menjadikan panduan untuk tujuan pembangunan reka bentuk sesuatu produk mereka, dan Proton juga tidak terkecuali jika mempunyai keinginan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media yang mengaitkan Proton dan Renault mengadakan kejasama pembentukan strategik.

Renault yang dikuasai oleh Nissan dikatakan sedang mengadakan perbincangan dengan Proton bagi membekalkan beberapa model tertentu untuk membolehkan pengeluaran kereta nasional itu menjenamakan semula kereta keluarannya.

Dr. Mahathir berkata, Proton tetap akan



MAHATHIR Mohamed (kanan) sempat bergurau dengan sebahagian penerima biasiswa Proton hingga membuatkan Pengerusi Proton Holdings Bhd, Datuk Seri Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh (dua dari kiri) dan Pengerusi Yayasan Proton, Datuk Jaafar Indot (kiri) ketawa di Shah Alam, semalam.

menggunakan kebolehan baginya bagi membangunkan produk-produk tertentu dan bekerjasama dengan pengeluar kereta lain adalah

sebahagian daripada keputusan perniagaan. Tambahnya, kerjasama dengan pengeluar kereta ketika ini adalah sesuatu yang

normal dalam perniagaan global kerana masing-masing boleh mendapat faedah dari sesuatu produk yang dibangunkan.